

SULIT



**UTHM**  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER I  
SESI 2013/2014**

NAMA KURSUS : PENGATURCARAAN  
BERASASKAN WEB  
KOD KURSUS : DAT 32403  
PROGRAM : 2 DAT  
TARIKH PEPERIKSAAN : DISEMBER 2013/JANUARI 2014  
MASA : 2 JAM 30 MINIT  
ARAHAN : JAWAB SEMUA SOALAN DI  
BAHAGIAN A, B DAN C  
  
JAWAB **TIGA (3)** SOALAN DI  
BAHAGIAN D

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI ENAM BELAS (16) MUKA SURAT

SULIT

**BAHAGIAN A**

**ARAHAN:** Pilih jawapan yang paling **TEPAT** bagi soalan-soalan berikut.

- S1** Apakah bahasa pengaturcaraan yang digunakan untuk mencipta laman web?
- A SQL
  - B PHP
  - C C++
  - D HTML
- S2** Apakah tag HTML yang diperlukan untuk setiap halaman laman web?
- A `<html >` dan `<head >`
  - B `<html >` dan `<body >`
  - C `<title >` dan `<p >`
  - D `<h1 >` dan `<p >`
- S3** Manakah kod tag tajuk yang anda akan gunakan bagi tajuk utama halaman web anda?
- A `<h2 >`
  - B `<h1 >`
  - C `<h4 >`
  - D `<h3 >`
- S4** Nyatakan maksud HTML.
- A Hyper Text Meta Language
  - B Hyper Time Markup Language
  - C Hyper Time Meta Language
  - D Hyper Text Markup Language

```
<html>
<head>
<title>Mencipta halaman web menggunakan HTML.</title>
</head>
<body>
<p>Penggunaan HTML memudahkan penciptaan laman web.</p>
</body>
</html>
```

**S5** Berdasarkan skrip HTML di atas, nyatakan paparan output yang dihasilkan di halaman web?

- A Mencipta halaman web menggunakan HTML.  
Penggunaan HTML memudahkan penciptaan laman web.
- B Mencipta halaman web menggunakan HTML.
- C Penggunaan HTML memudahkan penciptaan laman web.
- D Mencipta halaman web menggunakan HTML. Penggunaan HTML memudahkan penciptaan laman web.

**S6** Apakah kod yang anda akan gunakan untuk memaparkan ruang kosong di paparan halaman web?

- A & lt;
- B & reg;
- C & gt;
- D & nbsp;

- S7 Anda mempunyai situasi di mana anda mahu menerima beberapa input daripada pengguna yang biasanya mempunyai 1-2 perenggan panjang. Antara berikut medan kawalan manakah yang akan anda pilih.
- A Butang
  - B Menu Jenis Lajur
  - C Kotak Teks Berganda
  - D Input Teks
- S8 Manakah di antara kod berikut dapat mewujudkan sel bagi jadual?
- A `< table >`
  - B `< td >`
  - C `< th >`
  - D `< tr >`
- S9 Protokol berikut digunakan untuk mengakses fail pada laman web di seluruh dunia melalui sambungan yang selamat.
- A HTTP
  - B HTTPS
  - C FTP
  - D CGI
- S10 Antara berikut yang manakah **BUKAN** bahasa pengaturcaraan web?
- A C++
  - B HTML
  - C Javascript
  - D PHP

- S11** Nyatakan skrip HTML yang merujuk kepada lembaran gaya luaran.
- A `<link rel="stylesheet" type="text/css" href="mystyle.css">`
  - B `<style src="mystyle.css">`
  - C `<stylesheet>mystyle.css</stylesheet>`
  - D `<style src="mystyle.css"></style>`
- S12** Nyatakan kod HTML yang digunakan untuk menentukan satu lembaran gaya dalaman.
- A `<style>`
  - B `<script>`
  - C `</style>`
  - D `<css>`
- S13** Nyatakan perbezaan di antara pembolehubah dan konstan?
- A Konstan boleh diisytiharkan hanya didalam Java
  - B Pembolehubah boleh diisytiharkan hanya dalam bahasa perisian
  - C Tiada perbezaan
  - D Nilai bagi konstan tetap dan tidak berubah, manakala nilai pembolehubah boleh berubah-ubah disepanjang aplikasi.
- S14** Antara berikut, kod manakah tidak sah digunakan untuk memulakan dan mengakhiri satu blok skrip PHP.
- A `<?php ?>`
  - B `<? ?>`
  - C `<?= ?>`
  - D `<! !>`

**S15** SQL merujuk kepada .....

- A Strong Query Language
- B Strict Query Language
- C Structured Query Language
- D Short Query Language

```
<?php
$a = 1;
++$a;
$a *= $a;
echo $a--;
?>
```

**S16** Nyatakan output bagi skrip PHP di atas.

- A 5
- B 3
- C 4
- D 0

**S17** Siapakah pengasas/bapa kepada PHP?

- A. Larry Wall
- B. Rasmus Lerdorf
- C. James Gosling
- D. Guido Van Rossum

- S18** Nyatakan kod arahan SQL yang digunakan untuk mendapatkan data?
- A JOIN
  - B SELECT
  - C DELETE
  - D INSERT
- S19** Nyatakan pernyataan arahan SQL yang digunakan untuk memasukkan data baru di dalam pangkalan data.
- A INSERT INTO
  - B ADD RECORD
  - C ADD NEW
  - D INSERT NEW
- S20** Nyatakan protokol yang digunakan untuk komunikasi antara pelayan maklumat dengan sumber-sumber dalam pelayan komputer hos.
- A. HTTP
  - B. MIME
  - C. FTP
  - D. CGI

**BAHAGIAN B**

**ARAHAN:** Nyatakan samaada setiap pernyataan berikut **BETUL** atau **SALAH**.

- S21** Kod PHP boleh diselitkan secara terus ke dalam dokumen XHTML.
- S22** Paparan laman web anda akan kelihatan sama pada setiap pelayar.
- S23** Menggunakan jadual sebagai elemen reka bentuk adalah pilihan lebih baik daripada menggunakan CSS untuk reka bentuk.
- S24** PHP boleh dilarikan pada platform yang berbeza (Cth: Windows, Linux, dan Unix)?
- S25** Jadual pangkalan data terdiri daripada baris (digunakan untuk menyimpan medan) dan lajur (yang digunakan untuk menyimpan data).
- S26** Di dalam CSS, ( . ) digunakan sebagai awalan untuk tag selector class.
- S27** Satu kelemahan bagi kaedah GET adalah ia hanya memegang jumlah aksara yang terhad.
- S28** MySQL boleh dikawal melalui antara muka baris arahan yang mudah dipanggil phpMyAdmin.
- S29** Dalam PHP anda boleh menggunakan kedua-dua petikan tunggal ( ' ' ) dan petikan berganda ( " " ) untuk rentetan.
- S30** Saiz kotak teks berganda tidak boleh diubah suai.



**BAHAGIAN C**

**ARAHAN:** Jawab semua soalan.

**S31**

```
<?php
    $a = 10; $b = 20; $c = 4; $d = 8; $e = 1.0;
    $f = $c + $d * 2; $g = $f / 20;
    $h = $b - $a + $c + 2; $i = $h * $c;
    $j = $i * $e;
    print "<p>$j</p>";
    echo "<p>$h</p>";
    print "<p>$f</p>";
    echo "<p>$i</p>";
?>
```

- (a) Apakah output bagi skrip Operator Aritmetik di atas.

(4 Markah)

```
<?php
    function TulisNama()
    {
        echo "Zerry Khairi";
    }
    echo "Hello world!<br />";
    echo "Nama saya ialah ";
    TulisNama();
    echo ".<br />Ya betul, ";
    TulisNama();
    echo " ialah nama saya.";
?>
```

- (b) Berikan output bagi skrip fungsi PHP di atas?

(3 Markah)

```

<?php
    $intA = 9;
    $intB = 10;

    $intA += $intB;
    echo "<p>1 + $intB = $intA</p>";
    $intA = 10;
    $intA /= $intB;
    echo "<p>2 / $intB = $intA</p>";
    $intA = 15;
    $intA *= $intB;
    echo "<p>3 * $intB = $intA</p>";
?>

```

- (c) Berikan output bagi skrip Operator Jujukan PHP di atas?

(3 Markah)

**S32** Berdasarkan jadual pelajar di dalam **rajah S32** jawab soalan berikut

- (a) Tulis satu pertanyaan SQL yang mengembalikan nama bagi semua pelajar semester 1.

(2 Markah)

- (b) Tulis satu pertanyaan SQL untuk mengemaskini tahun pengajian Paige Gonzales kepada Semester 2.

(4 Markah)

- (c) Tulis satu pertanyaan SQL untuk menambah lajur jantina kepada jadual pelajar.

(2 Markah)

(d) Tulis satu pertanyaan SQL untuk memadam data pelajar bernama Patimah Layn.

(2 Markah)

**S33** Sinar Cahaya Sdn. Bhd telah mula beroperasi beberapa bulan yang lalu. Mereka mahu membangunkan sistem berasaskan web bagi tujuan menyimpan maklumat pekerja mereka. Mereka mengupah anda untuk membangunkan sistem ini menggunakan bahasa pengaturcaraan HTML, PHP dan SQL.

Sistem yang dibangunkan boleh menyimpan nama pekerja, nombor telefon, alamat, jantina, jenis pekerjaan. Reka bentuk antara muka anda adalah seperti **rajah S33**.

(a) Berdasarkan **rajah S33** tuliskan skrip HTML untuk mencipta antara muka bagi "Sistem Maklumat Pekerja" syarikat Sinar Cahaya Sdn. Bhd.

(16 Markah)

(b) Jelaskan fungsi borang data di dalam PHP atau HTML.

(4 Markah)

**SECTION D**

**ARAHAN:** Jawab **TIGA (3)** soalan sahaja.

**S34** (a) Takrifkan maksud laman web dinamik.

(2 Markah)

(b) Jelaskan fungsi *PHPMyAdmin*.

(2 Markah)

(c) Senaraikan **TIGA (3)** jenis ralat.

(3 Markah)

(d) Terangkan secara ringkas berkaitan dengan **ketiga-tiga (3)** jenis ralat yang anda nyatakan di atas.

(3 Markah)

**S35** Tuliskan skrip PHP untuk mengendalikan data yang telah dihantar menggunakan antaramuka "Sistem Maklumat Pekerja" pada soalan **S33** sebelum ini. Skrip PHP tersebut hendaklah mampu memproses data yang diterima serta dapat memaparkan output seperti dalam **rajah S35**.

(10 Markah)

**S36** Dengan anggapan bahawa syarikat Sinar Cahaya Sdn. Bhd mempunyai pangkalan data dengan bernombor **IP: 121.10.10.1**. Nama pangkalan data yg diberikan adalah **sinarjaya** dan nama jadual adalah **pekerja**.

(a) Berikan kod PHP untuk berhubung dengan pangkalan data tersebut.

(5 Markah)

(b) Berikan skrip PHP untuk menambah rekod ke dalam jadual pekerja.

(3 Markah)

(c) Berikan skrip PHP untuk menambah lajur alamat kepada jadual pekerja.

(2 Markah)

**S37**

```
$gaji = array("Ahmad" => RM1200, "Rita" => RM3400,
             "Rizal" => RM10000);
```

(a) Berikan skrip PHP menggunakan struktur kawalan **foreach** untuk memaparkan output seperti **rajah S37(a)** untuk pembolehubah tatasusunan **\$gaji** di atas.

(4 Markah)

(b) Berdasarkan skrip HTML di bawah, jawab soalan berikut:

```
<html>
<head>
</head>
<body>
<h1>Tajuk ini mempunyai imej latar belakang
yellow.jpg dan tulisan bewarna hitam.</h1>
<h2> Tajuk ini mempunyai latar belakang merah dan
tulisan bewarna putih.</h2>
<p> Perenggan ini mempunyai latar belakang merah
jambu dan fon berjajaran disebelah kanan.</p>
</body>
</html>
```

(i) Berikan skrip CSS untuk gaya HTML tag `<h1>` supaya ia mempunyai imej latar belakang yellow.jpg dan tulisan hitam.

(2 Markah)

- (ii) Berikan skrip CSS untuk gaya HTML tag <h2> supaya ia mempunyai latar belakang merah dan tulisan putih.

(2 Markah)

- (iii) Berikan skrip CSS untuk gaya HTML tag <p> supaya ia mempunyai latar belakang merah jambu dan fon berjajaran disebelah kanan.

(2 Markah)

**S38** Fail adalah koleksi urutan watak yang boleh dimanipulasi. Biasanya komputer menggunakan fail untuk menyimpan maklumat. **Rajah S38**, adalah kandungan bagi fail teks bernama "welcome.txt".

Tuliskan skrip PHP untuk membaca keseluruhan aksara di dalam fail 'welcome.txt' dan paparan seperti **rajah S38**.

(10 Markah)

**-SOALAN TAMAT-**

**PEPERIKSAAN AKHIR**

SEMESTER SESI : SEM I / 2013/2014

PROGRAM : 2 DAT

NAMA KURSUS : PENGATURCARAAN BERASASKAN WEB

KOD KURSUS : DAT 32403

<i>IDPelajar</i>	<i>Nama</i>	<i>TahunPengajian</i>
AA112272	John Smith	Semester 1
AA112263	Jane Doe	Semester 4
AA112254	Jake Williams	Semester 3
AA112245	Brad Silver	Semester 4
AA112236	Paige Gonzales	Semester 1
AA112227	Patimah Layn	Semester 2

**RAJAH S32 : JADUAL PELAJAR**

**SISTEM MAKLUMAT PEKERJA**

Sila masukkan butiran anda :

Nama :

No. Telefon :

Alamat : 

Sila tulis alamat yang lengkap beserta poskod.

Jantina :  Lelaki  Perempuan

Jenis Pekerjaan : 

Tetap	▼
Kontrak	
Sementara	

**RAJAH S33 : ANTARAMUKA SISTEM MAKLUMAT PEKERJA**

**PEPERIKSAAN AKHIR**

SEMESTER SESI : SEM I / 2013/2014

PROGRAM : 2 DAT

NAMA KURSUS : PENGATURCARAAN BERASASKAN WEB

KOD KURSUS : DAT 32403

Nama anda : ZURAIDA

No. Telefon anda : 0163333333

Alamat anda : NO. 15 JALAN PASAR

Jantina anda : perempuan

Jenis pekerjaan anda : tetap

**RAJAH S35 : PAPARAN OUTPUT SISTEM MAKLUMAT PEKERJA**

Gaji Ahmad ialah RM1200

Gaji Rita adalah RM3400

Gaji Rizal adalah RM10000

**RAJAH S37(a) : PAPARAN OUT STRUKTUR KAWALAN FOREACH**

Selamat datang ke laman web saya!  
Laman ini sesuai untuk orang yang berminat dalam  
bidang kebudayaan.

**RAJAH S38 : KANDUNGAN AKSARA DI DALAM FAIL WELCOME.TXT**